

Raja Perlis putuskan individu dipilih Menteri Besar

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]



Ahmad Zahid dan Hishammuddin melambai ke arah jurugambar ketika keluar dari Istana Arau, semalam.

31/03.5.18/11/1A/RS - Dulhiz

Kuala Lumpur: Raja Perlis, Tuan-ku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail akan memutuskan individu yang bakal dipilih sebagai Menteri Besar Perlis.

Pemangku Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata beliau sudah mengadakan perbincangan dengan baginda di Istana Arau, pagi semalam.

“Kami sudah menghadap Raja Perlis dan tuanku akan membuat keputusan berdasarkan perbincangan yang sudah dilakukan,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato’ Onn di sini, semalam.

Yang turut hadir dalam pertemuan dengan Raja Perlis adalah Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang menjalankan tugas Tim-



Kami sudah menghadap Raja Perlis dan tuanku akan membuat keputusan berdasarkan perbincangan yang sudah dilakukan”

Ahmad Zahid Hamidi,
Pemangku Pengerusi
Barisan Nasional

balan Presiden UMNO.

Semalam, kedua-duanya tiba bersama di Istana Arau menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Vellfire pada jam 11.20 pagi.

Krisis pelantikan Menteri Besar Perlis bermula selepas Pengerusi BN Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim mencadangkan ADUN Tambun Tulang yang juga adiknya, Datuk Ismail, sebagai calon Menteri Besar baharu.

Bagaimanapun, Timbalannya, Azlan yang juga ADUN Bintong pula mendakwa tidak tahu dan tidak dimaklumkan cadangan itu.

Susulan itu pada Rabu lalu, Raja Perlis memanggil 10 wakil rakyat BN menghadap baginda dan difahamkan tujuan baginda memanggil adalah bagi mengenali lebih dekat semua wakil rakyat berkenaan.